

# UMS nafi halang perayaan Krismas dalam kampus

DE B. II. 2014 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menafikan laporan akhbar kononnya ia menghalang sambutan perayaan Krismas dalam kawasan kampusnya.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, ia tidak pernah berbuat demikian.

"Pihak universiti dengan rendah diri menafikannya dan menyifatkan ia sebagai salah faham. Cadangan

sambutan Krismas telah awal mendapat kelulusan dan pihak UMS sendiri turut menyediakan bajet untuk pelaksanaannya," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa. Beliau berkata, UMS turut menyokong hasrat pelajar yang inginkan penganjurannya dibuat secara meriah dengan melibatkan komuniti setempat seiring dengan usaha merakyatkan universiti.

Pada masa sama, UMS memberi pilihan sama ada sambutan diadakan di luar kampus bagi memudahkan kehadiran lebih ramai pengunjung, katanya.

Sebarang keraguan atau isu membabitkan UMS boleh diajukan kepada pihak pengurusan universiti melalui e-mel di [BPK@ums.edu.my](mailto:BPK@ums.edu.my) atau menerusi talian 088-320000 sambungan 1017/1650/1021. – Bernama